



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGOPERASIAN SEMULA MAHKAMAH SESYEN DAN MAJISTRET SIVIL DI JALAN  
GREEN HALL, GEORGETOWN PULAU PINANG BERMULA 7 DISEMBER 2020**

Dalam usaha untuk memperkasakan penyampaian keadilan kepada semua lapisan masyarakat, bermula pada 7 Disember 2020, Mahkamah Sesyen Sivil 3 Georgetown dan Mahkamah Majistret Sivil 2 Georgetown yang kedua-duanya beroperasi sementara di Kompleks Mahkamah Balik Pulau serta Mahkamah Majistret Sivil 1 Georgetown yang beroperasi di Tingkat 5, Bangunan Sri Pinang akan berpindah dan mula beroperasi di Bangunan Mahkamah Sesyen dan Majistret Sivil di Jalan Green Hall, Georgetown, Pulau Pinang. Pada 2 September 2018, Mahkamah Sesyen Sivil 3 Georgetown dan Mahkamah Majistret Sivil 2 Georgetown telah berpindah secara sementara ke Kompleks Mahkamah Balik Pulau kerana proses kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan di Mahkamah Georgetown.

Badan Kehakiman Malaysia berharap pengoperasian semula Mahkamah-Mahkamah tersebut dapat membantu menjimatkan masa dan perbelanjaan pihak-pihak yang berurusan dengan Mahkamah seperti peguam, saksi serta orang awam yang menetap di Georgetown kerana kini tidak lagi perlu berulang alik ke Mahkamah Balik Pulau untuk berurusan. Badan Kehakiman Malaysia juga berharap inisiatif ini akan dapat memperkasakan lagi penyampaian keadilan dengan penyediaan bangunan Mahkamah yang lebih selesa, selamat dan kondusif kepada semua pemegang taruh dan orang awam.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 27 November 2020**